

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status terkini proses naik taraf Jalan Dandulit dan apakah status permohonan penurapan sambungan ke Kampung Kuala Gum-Gum.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Projek Jalan Dandulit Ke Kg. Banting, Sandakan, Sabah telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas *Rolling Plan* Pertama (RMKe-11, RP1) Tahun 2016 dengan kos sebanyak RM14.5 juta. Status terkini projek adalah di peringkat pelaksanaan dengan status terkini 53.94%. Projek ini dijangka siap pada Jun 2021.

Manakala, bagi Projek Jalan Semawang Ke Tanjung Kuala Gum-Gum, Sandakan, Sabah, projek ini juga telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas *Rolling Plan* Pertama (RMKe-11, RP1) Tahun 2016 dengan kos sebanyak RM236.7 juta. Status terkini projek adalah dalam penyediaan dokumen tender dan dijangka tender pada November 2020.